

## **HIDROPOLITIK DAN TADBIR URUS AIR ASEAN: MENILAI SEMULA PERTIKAIAN SUNGAI GOLOK ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND**

Mohd Firdaus Abdullah  
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti  
Kebangsaan Malaysia Email: mfa@ukm.edu.my

**ABSTRAK.** Makalah ini berhujah bahawa pengurusan Sungai Golok bukan sekadar isu teknikal dalam tadbir urus air rentas sempadan, tetapi turut melambangkan dinamika lebih luas dalam hidropolitik antara Malaysia dan Thailand serta konflik kepentingan antara keperluan domestik dan strategi keselamatan kedua-dua negara. Sebagai sempadan semula jadi yang memisahkan negeri Kelantan di Malaysia dan wilayah Narathiwat di Thailand, Sungai Golok telah lama menjadi titik pertikaian, khususnya melibatkan isu banjir, penyeludupan, dan kawalan sempadan. Perancangan Malaysia untuk membina tembok keselamatan dan mitigasi banjir di sepanjang Sungai Golok telah mendapat kelulusan Thailand, namun langkah ini menimbulkan persoalan tentang implikasi diplomatik dan keseimbangan kuasa dalam pengurusan air rentas sempadan. Dengan menggunakan kerangka hidropolitik, makalah ini meneliti Sungai Golok sebagai titik konflik antara keperluan domestik dan kepentingan nasional, di mana dasar pengurusan air bukan sahaja bertujuan menangani isu alam sekitar dan pembangunan, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme yang mencerminkan ketidakseimbangan kuasa antara Malaysia dan Thailand. Ketiadaan kerangka formal bagi kerjasama air telah memburukkan keadaan, apabila kedua-dua negara lebih cenderung mengutamakan pendekatan masing-masing untuk menangani cabaran berkaitan banjir, pencemaran dan keselamatan. Dalam konteks ini, ketiadaan perjanjian air rentas sempadan yang jelas antara Malaysia dan Thailand serta peranan pasif Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dalam mengawal selia isu ini, mencerminkan kelemahan dalam kerangka tadbir urus air serantau Asia Tenggara. Penyelidikan ini mencadangkan beberapa langkah strategik, termasuk penubuhan mekanisme kerjasama formal antara Malaysia dan Thailand, pembentukan badan pemantauan ASEAN yang khusus bagi pengurusan sungai rentas sempadan, serta pembangunan pendekatan diplomasi air serantau yang lebih inklusif. Makalah ini menawarkan perspektif baharu bahawa konflik Sungai Golok bukan sekadar isu tempatan, tetapi merupakan sebahagian daripada cabaran lebih besar dalam pengurusan sumber air, keselamatan rentas sempadan dan geopolitik ASEAN.

**KATA KUNCI:** Hidropolitik, Tadbir Urus Air, Sungai Golok, ASEAN, Malaysia, Thailand